

## BORANG AKU JANJI PEMOHON

**Saya memperakui bahawa :**

- a. Saya telah membaca dan memahami syarat-syarat am yang dinyatakan di dalam Garis Panduan Pelan Setara Rumah Sesebuah Setingkat ini.
- b. Semua pembinaan akan mengikut rekabentuk/ spesifikasi yang diluluskan. Sekiranya tidak kelulusan akan dibatalkan dan pemohon perlu mengemukakan Pelan Bangunan melalui Pelukis Pelan ataupun Arkitek yang berdaftar.
- c. Bertanggungjawab sepenuhnya ke atas binaan yang saya bina terutamanya dari segi kekuahan dan kestabilannya.
- d. Bertanggungjawab terhadap keselamatan struktur rumah jiran serta membaiki segala kerosakan termasuk infrastruktur sekiranya ada.
- e. Memastikan sisa binaan diletakkan dalam tong roro dan bahan binaan tidak mengganggu laluan awam dan menjaga kebersihan sekitar tapak binaan.
- f. Memastikan pembersihan tapak daripada sisa binaan dan dibuang di Tapak Pelupusan Sampah MBSP Ampang Jajar Seberang Perai Tengah.
- g. Bersetuju bahawa pihak Majlis tidak akan bertanggungjawab diatas urusan-urusan penyediaan kemudahan lampu jalan, penyelenggaraan jalan masuk, penyelenggaraan sistem perparitan, kutipan sampah rumah ke rumah serta perkara-perkara lain yang berkaitan dengan Majlis.
- h. MBSP tidak akan bertanggungjawab sekiranya ada berlaku pertikaian diantara lot-lot berjiran serta tuan tanah.
- i. Semua maklumat yang diberikan adalah benar dan saya bersetuju permohonan saya DIBATALKAN sekiranya terdapat maklumat tidak benar/ palsu

Dengan aku janji ini saya tidak akan mensabitkan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) dari apa-apa tuntutan yang berkaitan serta melepaskan MBSP terhadap apa-apa tuntutan serta pertikaian daripada kelulusan yang akan diberikan oleh MBSP nanti.

Tandatangan pemohon : .....

Nama Pemohon :

No Kad Pengenalan pemohon :

Tarikh :